



07 Mar 2018
Kosmo, Malaysia

Author: No author available • Section: Niaga • Page: 52 • Printed size: 219.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 5,683.00
PR Value: MYR 17,049.00 • Item ID: MY0031933130

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

IJM Land lancar projek Rimbum Ara

KUALA LUMPUR – IJM Land Bhd. (IJM Land) melancarkan Rimbum Ara, sebuah pembangunan kediaman pintar yang terletak di kawasan pembangunan bersepadu Seremban 2 Heights, Negeri Sembilan.

Pengurus Besar Kanan (Wilayah Tengah) IJM Land, Datuk Hoo Kim See berkata, dengan mengintegrasikan elemen rumah pintar ke dalam projek perumahan baharu itu, ia diharap dapat mempertingkatkan gaya hidup dan menyediakan kemudahan kepada pembeli.

“Sejak kebelakangan ini, permintaan terhadap rumah pintar adalah tinggi, di mana pemilik kediaman boleh mengawal selia kediaman mereka hanya



REKAAN dalaman kediaman pintar Rimbum Ara yang bertujuan mempertingkatkan gaya hidup penghuni.

menerusi teknologi telefon pintar.

“Kami mahu Rimbum Ara menjadi kediaman unik dan canggih yang akan membuatkan pemilik kediaman merasa terhubung dengan arus teknologi semasa,” katanya dalam satu kenyataan

akhbar di sini semalam.

Dalam mereka bentuk kediaman siber mereka yang pertama, IJM Land menggabungkan lima elemen ke dalam pembangunan iaitu tenaga, keselamatan, suasana, kemudahan dan hiburan untuk memenuhi

keperluan gaya hidup secara menyeluruh.

Antara kemudahan teknologi yang disediakan termasuk hab Internet Benda (IoT) universal, peranti kawalan suara, kawalan jauh WiFi, suis WiFi Smart, kamera WiFi bahagian dalam, sensor pintu pintar dan internet jalur lebar berkelajuan tinggi dengan infrastruktur siap sedia.

Dengan adanya peranti kawalan suara, pemilik unit boleh melakukan tugas seperti menghidupkan peralatan rumah, memainkan muzik selain memperoleh maklumat khusus seperti berita dan cuaca.

Sebanyak 105 unit kediaman Rimbum Ara ditawarkan di pasaran dari harga RM557,460 untuk lot tengah.